

Newspaper	Berita Harian
Date	5 June 2015

## Dr M dicabar bersumpah tiada aset luar negara

BH  
-5/6/2015

**Ampang laya:** Tun Dr Mahathir Mohamad dicabar bersumpah dengan al-Quran di mana-mana masjid bagi membuktikan beliau tidak mempunyai sebarang perniagaan dan aset di luar negara bagi membersihkan diri serta reputasi keluarganya.

Ketua Setiausaha Jaringan Melayu Malaysia (JMM), Hamdan MS, berkata pihaknya mendapati terdapat dua perkara yang perlu bekas Perdana Menteri itu segera tampil memperbetulkan keadaan dengan menafikan tuduhan yang hangat diperkatakan di kalangan masyarakat.

"Dr Mahathir perlu bersumpah bahawa dirinya dan keluarga tidak mempunyai sebarang perniagaan, harta dan aset di luar negara seperti

yang diperkatakannya pada beberapa majlis dan dalam blog miliknya sehingga ia menjadi isu dalam laman sosial.

"Beliau juga perlu tampil bersumpah bahawa beliau bukanlah dalang sebenar yang berselindung di sebalik sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Warga Untuk Tata Kelola Pemerintahan Bertanggungjawab (CAGM) dipengerusikan Md Zainal Abidin yang secara terbuka menawarkan habuan RMI juta kepada sesiapa yang dapat mendedahkan harta kekayaan Dr Mahathir," katanya pada sidang media di pejabat JMM di sini, semalam.

Sabtu lalu, sebuah portal melaporkan, CAGM menawarkan RMI juta kepada sesiapa



Hamdan (kanan) pada sidang media di Ampang Jaya, semalam.  
[FOTO SADDAM YUSOFF/BH]

yang mempunyai maklumat mengenai harta tersembunyi dan wang tunai yang dimiliki Dr Mahathir.

### Jamin rahsiakan identiti

Md Zainal memberi jaminan identiti pemberi maklumat akan dirahsiakan malah ia perlu memenuhi syarat iaitu maklumat mestilah sahih, mempunyai nilai yang besar dan bukti bolehdigunakan untuk pendakwaan mana-mana

agensi penguatkuasaan undang-undang bagi merampas kekayaan berkenaan.

Hamdan berkata, pihaknya tidak akan menetapkan tempoh untuk bersumpah kerana mahu memberi peluang secara selesa kepada Dr Mahathir.

"Sekiranya Dr Mahathir tidak dapat mencari masjid yang sesuai, kami bersedia mencari masjid sesuai bagi memudahkan beliau melakukan sumpah," katanya.